

## APMM tahan tiga awak-awak warga Thailand tamat tempoh permit

**GEORGE TOWN** - Kapal peronda Maritim Malaysia (APMM) menahan sebuah bot nelayan tempatan pada kedudukan 0.6 batu nautika Timur Laut Pulau Rimau dekat sini semalam.

Bot tersebut ditahan pada pukul 9.05 pagi selepas mendapati permit tiga awak-awak warga Thailand yang berada di dalam bot berkenaan telah tamat tempoh.

Timbalan Pengarah Operasi, Daerah Maritim 2 Pulau Pinang, Komander Maritim Azman Samsudin berkata, nelayan terbabit yang sedang leka menangkap ikan pada mulanya tidak menyedari kehadiran APMM yang membuat rondaan Operasi Satria

Utara.

"Selepas diperiksa, seorang tekong warga tempatan bersama tiga lagi awak-awak warga Thailand berumur antara 44 hingga 58 tahun ditahan atas kesalahan menggunakan pekerja asing telah tamat tempoh perमितnya.

"Bot tersebut ditahan bersama hasil tangkapan ikan seberat kira-kira 2,000 kilogram dan dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung untuk tindakan lanjut. Beberapa peralatan menangkap ikan turut dirampas," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 8(B) Akta Perikanan 1985.